

# Hari Terbuka rapat hubungan Usim dengan masyarakat setempat

**NILAI** – Kira-kira 5,000 membanjiri perarangan Dewan Tuanku Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) pada Hari Terbuka Usim 2015 yang diadakan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun ke-15 Usim, di sini, semalam.

Bertemakan 'Usim Kekal di Hati', program itu memberi peluang kepada warga universiti, ibu-bapa, guru dan pelajar sekolah mengenali Usim dengan lebih dekat lagi sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berteraskan gabungan ilmu Islam dan moden.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Musa Ahmad berkata, penganjuran Hari Terbuka Usim ini adalah penghargaan universiti kepada ibu bapa, guru-guru, para pelajar dan komuniti setempat yang menyumbang serta memberi ilham kepada kejayaan dan kegemilangan Usim.

"Ia boleh dijadikan platform bagi merapatkan hubungan Usim dengan masyarakat sejajar dengan matlamat Usim untuk menjadi nombor satu di minda dan di hati masyarakat"

"Pelbagai aktiviti menarik Science Outreach, pemeriksaan kesihatan, Program Bersama Komuniti dan sebagainya turut disediakan kepada pengunjung," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Hari Terbuka USIM 2015 di Dewan Tuanku Canselor di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Pusat Komunikasi Strategik Usim, Dr Faizal Kasman dan Penolong Pengurus Besar Bahagian Syariah Bank Islam, Ustaz Mohd Nazri Chik.

Menurut Musa, program itu juga memberi pemahaman jelas mengenai keistimewaan Usim terutamanya dalam penawaran program pengajian yang berbeza daripada Universiti Islam di seluruh dunia.



Pengunjung tidak melepaskan peluang menyertai aktiviti yang disediakan pada Hari Terbuka USIM 2015 di Dewan Tuanku Canselor.